

**LITERASI
AWAL AL-QURAN DALAM KALANGAN MURID-MURID PENDIDIKAN
KHAS
BERMASALAH PEMBELAJARAN**

^aAminuddin Khalit

*^{ab}Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan*

^aaminuddinkhalit@yahoo.com.my

Abstrak : *Kertas kerja ini membincangkan penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dan Kaedah Iqra' terhadap literasi awal Al-Quran murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas. Kajian ini melibatkan enam orang murid bermasalah pembelajaran kelas pendidikan khas integrasi di dua buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak. Sampel kajian dibahagikan sama rata kepada dua kumpulan iaitu kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah Iqra' dan kumpulan murid yang belajar menggunakan Kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran. Hasil dapatan menunjukkan murid yang menggunakan kaedah KGBK Al-Quran berbanding kaedah Iqra'. Perbezaan skor pencapaian di antara dua kumpulan kajian menunjukkan kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran memperoleh skor lebih tinggi dan peningkatan kemahiran membaca lebih cepat berbanding kumpulan yang belajar menggunakan kaedah Iqra' yang hanya memperoleh skor yang rendah. Pada asasnya dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran berkesan terhadap peningkatan pencapaian dan motivasi murid dalam pembelajaran Al-Quran.*

Kata Kunci: *Literasi Awal Al-Quran, Kaedah Gabungan Bunyi Kata, Murid Bermasalah Pembelajaran dan*

Pengenalan

Apabila kita berbicara mengenai pembelajaran Al-Quran, ia bermula dengan kemampuan dan kemahiran seseorang menguasai asas pembelajaran Al-Quran iaitu mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi di peringkat pembelajaran awal literasi Al-Quran akan membawa masalah pada peringkat seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi murid akan terus bermasalah dan kekal. Masalah literasi yang tidak diatasi di peringkat awal akan memberi kesan negatif kepada murid khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran. Jika ramai murid gagal membaca Al-Quran ia akan menyebabkan masyarakat semakin jauh daripada penghayatan terhadap Al-Quran. Situasi ini pastinya akan merugikan umat Islam keseluruhannya yang tidak dapat menikmati kelebihan dan keistimewaan Al-Quran. Al-Quran mempunyai kelebihan sebagai kalam Allah yang qadim, di mana orang yang membaca, mendengar, menghafaz, belajar dan mengajar semuanya akan menikmati kelebihan Al-Quran (Mohd Yusuf 2000).

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran membaca merupakan asas untuk menguasai ilmu yang lebih bermakna. Kegagalan menguasai kemahiran membaca pastinya memberi impak negatif kepada murid untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Kegagalan ini bukan sahaja akan memberi kesan terhadap proses pembelajaran malah turut memberi impak negatif terhadap aspek akademik yang lain. Kegagalan ini juga akan memberi kesan kepada pembentukan konsep-konsep diri negatif dan masalah sosio-emosi. Kesan-kesan tersebut akhirnya akan menjadikan suasana pembelajaran di sekolah menjadi tidak bermakna dan membosankan. Menurut Azila Alias (2008) dalam kajiannya yang bertujuan membuat perbandingan keberkesanan pelaksanaan tiga pendekatan pengajaran awal membaca Bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak tabika dalam bilik darjah iaitu Kaedah Abjad, Kaedah Seluruh Perkataan dan kaedah Gabungan Bunyi Kata menyatakan bahawa membaca bukanlah suatu proses yang mudah. Ia adalah gabungan beberapa proses yang kompleks. Membaca menggabungkan beberapa kemahiran, iaitu kemahiran pengamatan yang

diskriminatif (mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf), kemahiran mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas, menyebut bunyi-bunyi yang dilambangkan oleh huruf-huruf, menggabungkan penyebutan bunyibunyi itu untuk membentuk perkataan dan berkebolehan pula memindahkan lambanglambang yang dibacanya itu kepada sistem saraf pusat (otak) untuk menterjemah dan memahami apa yang dibacanya.

TINJAUAN LITERATUR

Literasi merupakan asas dalam proses perkembangan ilmu. Menurut Isahak Haron (2011) dalam pembentangan satu kertas kerja di Brunei yang bertajuk 'Pedagogi For Literacy Bahasa Melayu' menyatakan bahawa masalah literasi atau tidak boleh membaca dan menulis di kalangan pelajar dan orang dewasa banyak dikaji, dengan tujuan untuk mendapat kaedah mengajar 2M yang lebih berkesan. Beliau juga menyebut bahawa di kebanyakan sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia sekarang, terdapat sekumpulan murid yang tidak boleh atau lemah dalam 2M Bahasa Malaysia. Dalam literasi, kanak-kanak perlu diberi pendedahan dengan baik.

Menurut Isahak Haron dan rakan-rakan (2008) dalam laporan kajian bertajuk Keberkesanan Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah Menggunakan Kaedah Gabungan-Bunyi Kata (KGBK), menyatakan bahawa kita boleh mengajar kanak-kanak membaca dengan mengabungkan 'bunyi' huruf vokal 'alif ya wau' (ا , ي , و) dengan bunyi satu atau dua huruf konsonan, misalnya 'ba' (bh) 'ta' (teh) (ب , ت) membentuk suku kata 'ba bi bu'; (تا , تي , تى) dan terus membina 'perkataan' seperti 'baba' (تاتا); 'bibi' (تى تى); 'bubu' (تى تى); 'aba' (تا تا); 'abi' (تى تا), 'abu' (تى تى) supaya kanak-kanak boleh membaca 'perkataan' atau frasa lain seperti 'abi abu' (تى تا تا) atau 'bubu baba' (تى تى تا تا). Ini boleh dijalankan dalam dua atau tiga pelajaran saja (setengah jam bagi satu pelajaran). Jadi dalam satu setengah jam saja (dua atau tiga pelajaran) kanak-kanak normal boleh 'membaca perkataan' atau frasa jawi. Kanak-kanak tidak perlu diajar mengenal semua huruf abjad jawi 'alif, ba, ta, tha, dal, ra, sin' (ا , ب , ت , ث , د , ر , س) hingga ke .. 'nya' (ن) mengikut

Penyataan tersebut membuktikan bahawa proses pembinaan kemahiran membaca memerlukan gabungan semua aspek pembelajaran seperti kesesuaian sukatan pelajaran, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, aspek pedagogi yang sesuai, mudah dan mampu meningkatkan tahap literasi dan motivasi murid untuk belajar

turunan dalam abjad, sebelum mereka diajar membaca perkataan.

Huruf vokal 'alif, ya, wau' (ا , ي , و) diajar di peringkat awal dalam Mudah Belajar Jawi : KGBK sebab huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf vokal jawi padanan dengan huruf Rumi 'e' dikemudiankan kerana ia lebih sukar sedikit. Huruf 'e' mempunyai dua bunyi iaitu 'e' pepet seperti dalam perkataan 'emak' dan 'enam' dan 'e' taling seperti dalam 'ekor' dan 'elok'. Ini menyusahkan kanak-kanak kalau diajar pada peringkat awal. Huruf 'o' mempunyai bunyi yang hampir sama dengan 'u' dan ditulis dengan huruf vokal 'wau' (و) dalam Jawi.

Murid kemudian diperkenalkan dua konsonan yang kerap dan popular disebut orang apabila mula belajar jawi: mengenal 'alif, ba, ta' (ا , ب , ت). Ia senang disebut, bunyinya jelas dan mudah ditulis. Huruf konsonan 'kaf' (ك) pula diperkenalkan sebab banyak perkataan suku kata terbuka yang boleh dibentuk dan dibaca darinya. Ia juga agak mudah ditulis. Kemudian diperkenalkan huruf 'dal' (د) dan 'ra' (ر) sebab dua huruf ini mudah ditulis, dan tidak boleh di'sambung' selepasnya. Banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibentuk darinya.

Hassan Basri dan rakan-rakan (2012), dalam satu kajian berkaitan menguji kebolehan menyebut makhras huruf mendapati huruf-huruf hijaiyah yang mempunyai sebutan bunyi yang hampir sama dengan sebutan Bahasa Melayu lebih mudah disebut berbanding dengan huruf-huruf hijaiyah yang tidak mempunyai sebutan bunyi yang sama dalam Bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap literasi Awal Al-Quran dalam kalangan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah kajian kuantitatif (kuasi-eksperimen). Penyelidikan eksperimen terbahagi kepada dua jenis. Pertama, penyelidikan eksperimen pada dasarnya adalah pengamatan atau pemerhatian terhadap munculnya sesuatu kesan ke atas pemboleh ubah bersandar yang disebabkan oleh pemboleh ubah bebas melalui suatu usaha yang sengaja dijalankan oleh penyelidik (Gall & Borg 2005). Kedua, penyelidikan eksperimen merupakan penyelidikan yang benar-benar dapat menguji hipotesis tentang hubungan sebab akibat. Kajian eksperimen ini merupakan modifikasi sesuatu keadaan yang dijalankan secara sengaja dan terkawal dalam menentukan peristiwa atau kejadian, serta pengamatan terhadap perubahan yang terjadi pada peristiwa itu sendiri (Wahidin 2004). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif (kuasi-eksperimen) sepenuhnya iaitu hanya melibatkan ujian

PERSOALAN KAJIAN

- Apakah Tahap Literasi Awal Al-Quran murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran
- Apakah kaedah yang berkesan dalam literasi awal membaca Al-Quran dalam kalangan murid Pendidikan khas bermasalah pembelajaran.

pra dan ujian pasca untuk melihat bandingan antara dua kaedah pengajaran Al-Quran kepada 3 kumpulan murid. Menurut pandangan Ary et al. (2006); dan Creswell (2008) reka bentuk ujian pra-pasca merupakan reka bentuk yang paling kerap digunakan dalam kaedah penyelidikan kuasi-eksperimen. Kajian ini berbentuk Kajian Kuasi Eksperimen, di mana sampel tidak dipilih secara rawak. Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen terpaksa digunakan disebabkan sampel yang sukar diperolehi dalam saiz yang besar. Saiz sampel yang kecil menyebabkan kajian ini tidak dapat dijalankan secara Eksperimen Sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan tahap literasi asas dan kesan pengajaran menggunakan Kaedah Gabungann Bunyi Kata dan Fahami Alquran dengan pengajaran menggunakan Kaedah Iqra dari aspek literasi AlQuran.

Persoalan Kajian 1

Apakah Tahap Literasi Awal Al-Quran murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi)

Aras 1 ,menunjukkan A1-1 dapat membunyikan 8 item iaitu 53.3% daripada 15 item yang diuji. 8 item yang dapat dibunyikan A1-1 adalah ا ا ا ا ا ا ا ا . A1-1 tidak dapat membunyikan د د د د د د د د . A1-2 dapat membunyikan 5 item iaitu 33.3% daripada 15 item yang diuji. 5 item yang dapat dibunyikan A1-2 adalah ا ا ا ا ا , manakala item yang tidak dapat dibunyikan adalah د د د د د د د د .

A1-3 dapat membunyikan 4 item iaitu 26.6% daripada 15 item yang diuji. 4 item yang dapat dibunyikan adalah ا ا ا ا . Manakala item yang tidak dapat disebut adalah د د د د د د د د .

Kumpulan Kawalan (Tanpa Asas Jawi)

Aras 1, menunjukkan B1 dapat membunyikan 4 item iaitu 26.6% daripada 15 item yang diuji. 4 item yang dapat dibunyikan A1-1 adalah ا ا ا ا . Manakala item yang tidak dapat dibunyikan adalah د د د د د د د د . B2 dapat membunyikan 8 item iaitu 53.3% daripada 15 item yang diuji. 9 item yang dapat dibunyikan B2 adalah ا ا ا ا ا ا ا ا , manakala item yang tidak dapat dibunyikan adalah د د د د د د . B3 dapat membunyikan 5 item iaitu 33.3% daripada 15 item yang diuji. 5 item yang dapat dibunyikan adalah ا ا ا ا ا . Manakala item yang tidak dapat disebut adalah د د د د د د د د .

KESIMPULAN

Skor yang dapat dicapai 6 subjek dalam 2 kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah hampir setara iaitu di antara 8/15 hingga 4/15 dengan peratus skor 53.3% hingga 26.6%. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketara skor ujian pra kumpulan subjek eksperimen (1) dengan subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi AlQuran.

Persoalan Kajian 2

Adakah terdapat perbezaan skor ujian pos subjek kumpulan eksperimen dengan subjek kumpulan dari aspek literasi Al-Quran?

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi)

Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 1

Kumpulan Eksperimen iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah KGBK Al-Quran dapat mencapai 100% pada aras 2 dalam ujian bacaan (ujian pos). A1-1, A1-2 dan A1-3 dapat membunyikan keseluruhan 15 item yang diuji dengan peratus skor 100%. 15 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{إِلَّا دِدْدُو وَوَتْتِنُنْ}$.

Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 2

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi) - Aras 2

Kumpulan Eksperimen iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah KGBK Al-Quran dapat mencapai 100% pada aras 2 dalam ujian bacaan (ujian pos). A1-1, A1-2 dan A1-3 dapat membunyikan keseluruhan 15 item yang diuji dengan peratus skor 100%. 15 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{جَا جِي جِي تِي تِي تِي سَا سِي سِي سِي كِي}$
 $\text{كِي هَا هَا هِي هِي كِي كِي}$

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 3

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi) Aras 3, A2-1, A2-2 dan A2-3 dapat membunyikan keseluruhan 15 item yang diuji dengan peratus skor 100% pada aras 3 ujian bacaan minggu ke-4. 15

item yang dapat dibunyikan adalah $\text{لَا لَالْ فَأَفَاتْ رَارَا يَا يِي مَامْ}$

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 4

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi) Aras 4, A1-1 dapat membunyikan 9 item daripada 10 item yang diuji dengan peratus skor 90%. 9 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{رَيْفَتْ , أَفُكْ , وَهَّهْ , مَلِكْ وَأَلَكِيدُ , بِلَجْ}$. 1 item yang tidak dapat dibunyikan adalah وَفْنِمَهَا . A1-2 dapat membunyikan 8 item yang diuji dengan peratus skor

80%. 8 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{رَيْفَتْ , أَفُكْ , وَهَّهْ , مَلِكْ , سَفْرَةَ , كِتَابْ}$. 2 item yang tidak dapat dibunyikan adalah وَفْنِمَهَا . A1-3 dapat membunyikan 8 item daripada 10 item yang diuji dengan peratus skor 80%. 8 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{رَيْفَتْ , أَفُكْ , وَهَّهْ , مَلِكْ وَأَلَكِيدُ , كِتَابْ}$. 2 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{وَفْنِمَهَا , سَفْرَةَ}$.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 5

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi) Aras 5

Jadual di atas menunjukkan A1-1 dapat membunyikan 9 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 60%.

9 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{شْ شْ طْ خْ خْ غَا}$. 6 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{شْ شْ طْ خْ خْ غَا}$. A1-2 dapat membunyikan 8 item dengan peratus skor 53.3%. 8 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا}$. 8 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا}$. A1-3 dapat membunyikan

6 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 40%. 6 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{شْ شْ طْ خْ خْ غَا}$. 13 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{شْ شْ طْ خْ خْ غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا غَا}$.

Kumpulan Kawalan (Tanpa Asas Jawi)

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 1

Kumpulan Eksperimen (Tanpa Asas Jawi) Aras 1, menunjukkan B1 dapat membunyikan 12 item iaitu 80% daripada 15 item yang diuji. 12 item yang dapat dibunyikan B1 adalah $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$. B1 tidak dapat membunyikan $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$. B2 dapat membunyikan 14 item iaitu 93.3% daripada 15 item yang diuji. 14 item yang dapat dibunyikan B2 adalah $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$, 5 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$. B3 dapat membunyikan 11 item iaitu 73.3% daripada 15 item yang diuji. 11 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$. Manakala item yang tidak dapat disebut adalah $\text{بِتْ إِأْ دِدِدْتْ نُنْ}$.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 2

Kumpulan Kawalan (Tanpa Asas Jawi) Aras 2, menunjukkan B1 dapat membunyikan 7 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 46.6%. 7 item yang dapat dibunyikan adalah $\text{جَا سَا تِي تِي تِي هَا هَا}$. 8 item yang tidak dapat dibunyikan adalah $\text{جَا سَا تِي تِي تِي هَا هَا}$. B2 dapat membunyikan keseluruhan 5 item yang diuji dengan peratus skor


33.3%. 5 item yang dapat dibunyikan adalah جَا تِي تِي تِي سَا 10 item yang tidak dapat dibunyikan adalah چِي جِي كِي سِي سِي سِي كِي هِي هَا هَا . B3 dapat membunyikan 7 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 46.6% . 7 item yang dapat dibunyikan adalah تِي تِي تِي جَا سَا هَا هَا هَا هَا . 8 item yang tidak dapat dibunyikan adalah كِي هِي كِي سِي چِي جِي كِي كِي .

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 3

Kumpulan Kawalan (Tanpa Asas Jawi) Aras 3, menunjukkan semua murid di dalam Kumpulan Kawalan iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Iqra' gagal mendapat skor iaitu 0% pada aras 3 dalam ujian bacaan (minggu ke-4). A1-1, A1-2 dan A1-3 gagal membunyikan sebarang item. 15 item yang dapat dibunyikan adalah لَأ لَأ فَأ فَأ فَتْ رَأ رَأ رَبِّي مَا مِمْ .

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) - Aras 4

Kumpulan Kawalan (Tanpa Asas Jawi) Aras 4, menunjukkan B1 dapat membunyikan 4 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 20%. 3 item yang dapat dibunyikan adalah شَ ظَّ ظَّ شَ . 12 item yang tidak dapat dibunyikan B2 dapat membunyikan 5 item dengan peratus skor 33.3%. 5 item yang dapat dibunyikan adalah شَ شَ غَا غَا غِي غِي ضَا ضَا ضَا . 10 item yang tidak dapat dibunyikan adalah شَ شَ غَا غَا غِي غِي ضَا ضَا ضَا . B3 dapat membunyikan 2 item daripada 15 item yang diuji dengan peratus skor 13.3%. 2 item yang dapat dibunyikan adalah ظَّ ظَّ شَ شَ شَ شَ شَ شَ شَ غَا غَا غِي غِي ضَا ضَا ضَا . 13 item yang tidak dapat dibunyikan .



Rajah 4.2 - Analisis Ujian Pos (KE dan KK)

KESIMPULAN: Skor yang dapat dicapai 6 subjek dalam 2 kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah sangat berbeza iaitu di antara peratus skor 90% dan 34.6%. Ini menunjukkan terdapat perbezaan ketara skor ujian pos kumpulan subjek eksperimen dengan subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi Al-Quran.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra)

Aras 1: Skor 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian pra) pada aras 1. Skor ujian menunjukkan KE dan KK mendapatkan skor yang hampir sama dalam ujian membaca (ujian pra) iaitu KE 15/45 dengan peratus skor 33.3% dan KK 17/45 dengan peratus skor 37.7%. Skor ujian pra menunjukkan KE dan KK akan bermula dengan tahap kemahiran awal membaca Al-Quran yang setara.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) Aras 2: KE dan KK tidak mendapat sebarang skor dalam ujian membaca (ujian pra) di aras 2 yang menguji kemahiran membaca bacaan mad. Ini

Persoalan Kajian 3

Adakah terdapat perbezaan kesan di antara kumpulan yang menggunakan pengajaran Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran dengan pengajaran menggunakan Kaedah Iqra' dari aspek literasi Al-Quran?

menunjukkan KE dan KK mempunyai tahap kemahiran membaca Al-Quran yang sama.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-2)

Aras 1: Skor 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian bacaan minggu ke-2) di aras 1. Skor KE menunjukkan peningkatan yang agak tinggi iaitu 31/45 dengan peratus skor 68.8%. Skor KK juga menunjukkan peningkatan namun sedikit rendah berbanding KE iaitu 22/45 dengan peratus skor 48.8%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-2)

Aras 2: Skor 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian pos minggu ke-2) di aras 2. Skor KE menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik iaitu

22/45 dengan peratus skor 48.8 dalam bacaan mad. Skor KK menunjukkan peningkatan namun lebih rendah berbanding KE iaitu 17/45 dengan peratus skor 37.7% dalam bacaan mad.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-2)
Aras 3: Skor 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian bacaan minggu ke-2) di aras 3 iaitu membaca bacaan tanwin. Skor pencapaian menunjukkan KE dan KK gagal mendapat sebarang skor dalam ujian aras 3 iaitu membaca bacaan tanwin.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-4) Aras 1: Skor 2 kumpulan kajian tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian bacaan minggu ke-4) di aras 1 iaitu membaca huruf-huruf hijaiyah mudah baris satu. Skor pencapaian menunjukkan KE iaitu kumpulan eksperimen tanpa asas jawi mendapatkan skor 45/45 dengan peratus skor 100%. KE adalah kumpulan yang menggunakan Kaedah Mudah Membaca Awal Al-Quran KGBK.

Manakala skor KK iaitu kumpulan kawalan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Iqra' adalah lebih rendah berbanding KE iaitu 22/45 dengan peratus skor 48.8%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-4)

Aras 2: Menunjukkan pencapaian dalam ujian bacaan (ujian bacaan minggu ke-4) di aras 2 iaitu membaca bacaan mad.

Skor pencapaian menunjukkan KE iaitu kumpulan eksperimen tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Mudah Membaca Awal Al-Quran KGBK mendapatkan skor 45/45 dengan peratus skor 100%.

Manakala skor KK iaitu kumpulan kawalan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Iqra' adalah lebih rendah berbanding KE iaitu 19/45 dengan peratus skor 42.2%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-4) Aras 3: Pencapaian 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian membaca (ujian bacaan minggu ke-4) di aras 3 iaitu membaca bacaan tanwin.

Skor menunjukkan KE mendapat 38/45 dengan peratus skor 84.4% berbanding KK yang tidak mendapatkan sebarang skor.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-4)
Aras 4: Pencapaian 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian bacaan (ujian bacaan minggu ke-4) di aras 4 iaitu membaca perkataan berasaskan huruf-huruf hijaiyah mudah.

Skor menunjukkan KE mendapat 16/30 dengan peratus skor 53.3%, manakala KK mendapat skor yang paling rendah iaitu 10/30 dengan peratus skor 33.3%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Bacaan Minggu Ke-4)

Aras 5: Pencapaian 2 kumpulan dalam ujian membaca (ujian bacaan minggu ke-4) di aras 5 iaitu membunyikan huruf-huruf hijaiyah sukar baris satu dan bacaan mad huruf hijaiyah sukar.

Skor menunjukkan KE dan KK tidak berjaya mendapat sebarang skor dalam ujian di aras 5 ini.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos)

Aras 1: Skor 2 kumpulan dalam ujian membaca (ujian pos) pada aras 1. Skor kajian menunjukkan KE iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK mendapat skor yang paling tinggi iaitu 45/45 dengan peratus skor 100%. Ini menunjukkan KE sudah menguasai sepenuhnya kemahiran membunyikan hurufhuruf hijaiyah mudah baris satu.

Skor ujian juga menunjukkan pencapaian KK 37/45 dengan peratus skor 82.2% dalam ujian bacaan (ujian pos). Skor ujian pos menunjukkan perbezaan pencapaian yang agak besar diantara KE dan KK dalam ujian membaca di aras 1 iaitu 17.8% dalam membunyikan huruf-huruf hijaiyah sukar baris satu.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos)

Aras 2: Skor pencapaian 2 kumpulan dalam ujian membaca (ujian pos) bacaan mad huruf-huruf hijaiyah mudah.

Skor pencapaian menunjukkan skor KE iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK berjaya mendapat skor penuh iaitu 45/45 dengan peratus skor 100%. Ini menunjukkan KE sudah menguasai sepenuhnya kemahiran membaca bacaan mad hurufhuruf hijaiyah mudah. Manakala skor KK iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Iqra' adalah lebih rendah berbanding KE iaitu 19/45 dengan peratus skor 42.2%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) Aras 3: Pencapaian 2 kumpulan dalam ujian membaca (ujian pos) di aras 3 iaitu membaca bacaan tanwin.

Skor menunjukkan skor KE iaitu kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK berjaya mendapat skor penuh iaitu 45/45 dengan peratus skor 100%. Ini menunjukkan kumpulan eksperimen, KE sudah menguasai sepenuhnya kemahiran membaca bacaan tanwin huruf-huruf hijaiyah mudah. Manakala KK tidak berjaya mendapat sebarang skor dalam ujian di aras 3 ini.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos)

Aras 4: Pencapaian 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian bacaan (ujian pos) di aras 4 iaitu membaca bacaan tanwin berasaskan huruf-huruf hijaiyah mudah. Skor menunjukkan KE mendapat 27/30 dengan peratus skor

90%, manakala KK mendapat skor yang paling rendah iaitu 12/30 dengan peratus skor 40%.

Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos)

Aras 5: Skor pencapaian 2 kumpulan dalam ujian bacaan (ujian pos) di aras 5 iaitu membunyikan hurufhuruf hijaiyah sukar dan bacaan mad.

Skor paling tinggi dicapai KE yang mendapat 23/45 dengan peratus skor 51.1% berbanding dengan KK yang hanya mendapat 10/45 dengan peratus skor 22.2% sahaja.

Aras 6: Skor pencapaian 2 kumpulan tanpa asas jawi dalam ujian bacaan (ujian pos) di aras 6 iaitu bacaan tanwin berasaskan huruf-huruf hijaiyah sukar.

Skor menunjukkan KE dan KK tidak mendapat sebarang skor di aras 6 ini. Ini menunjukkan pencapaian paling tinggi yang dapat dicapai KE dan KK adalah menguasai sebahagian kemahiran membaca di aras 5 sahaja.


Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos)

KESIMPULAN

Graf di atas menunjukkan perbandingan skor yang diperolehi oleh kumpulan eksperimen (KE) kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Mudah



bacaan minggu ke-2, ujian bacaan minggu ke-4 dan ujian bacaan pos.

Kedua-dua kumpulan bermula dengan skor yang



Rajah 4.3 - Perbezaan Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan.

4.3.4 - Perbandingan pencapaian 2 kumpulan kajian (KE dan KK)



Belajar Awal Membaca Al-Quran dengan kumpulan kawalan (KK) kumpulan tanpa asas jawi yang menggunakan Kaedah Iqra'. Perbandingan skor dibuat berdasarkan pencapaian dalam ujian bacaan pra, ujian

hampir setara dalam ujian pra iaitu 37.7%. Namun perkembangan dan peningkatan yang ditunjukkan oleh 2 kumpulan ini hingga ujian pos menunjukkan perbezaan yang agak besar iaitu KE 86.8% manakala KK 37.3%.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dapat dijalankan dengan baik sehingga 45 minit. Ini kerana sistem pengajarannya berpusat kepada murid. Guru hanya membimbing perkembangan kemahiran murid. Pada peringkat 15 minit permulaan pengajaran, guru memperkenalkan huruf-huruf hijaiyah yang mudah. Kemudian murid akan mengikut sebutan guru secara berulang-ulang sehingga murid dapat membunyikan setiap huruf hijaiyah dengan baris yang betul. Mohd Hanafi Jusoh & Iruwan Idris (2011), menyatakan bahawa penggunaan Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran berjaya membantu pelajar membaca Al-Quran dalam masa yang singkat. Ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Kenyataan ini dibuktikan berdasarkan perbandingan peratusan markah yang dicapai pelajar dalam pra ujian dan pos ujian. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan baik kerana murid memberikan tumpuan terhadap pelajaran dan berkeyakinan untuk menerima pelajaran yang diajar oleh guru. Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca AlQuran sememangnya sangat berkesan terhadap perkembangan literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran pendidikan khas. Kaedah ini membantu murid untuk menguasai kemahiran membaca beberapa perkataan huruf hijaiyah dengan lebih cepat dan mudah kerana kaedah ini dibina secara bersepadu, sistematik, berturutan dan berkembang berasaskan ciri-ciri yang terdapat dalam sebutan dan ejaan Bahasa Melayu.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Terdapat beberapa rumusan yang dapat dibuat berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Pertama, boleh dirumuskan bahawa Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dapat meningkatkan tahap literasi awal membaca Al-Quran murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Kedua, Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dapat meningkatkan tahap motivasi murid untuk mengikuti pembelajaran. Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan kumpulan eksperimen (KE) yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dapat mencapai skor ujian bacaan AlQuran yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan (KK) yang menggunakan Kaedah Iqra'. Kesan ini menunjukkan bahawa kandungan pembelajaran, pendekatan dan teknik mengajar Al-Quran perlu diubahsuai supaya dapat memberi kesan yang lebih baik kepada murid-murid di sekolah. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dapat meningkatkan tahap motivasi dan membantu murid lebih fokus dalam pembelajaran

RUJUKAN

- Abdul Hadi Abdul Malek. (2002). *K-Al-Quran: Memahami Al-Quran Dengan Bahasa Tepat*. Selangor : Sapura Education Systems Sdn. Bhd.
- Afaf Abdul Ghafoor Hameed, Adel M.Abdulaziz, Mohamed Abdullahi Nur, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2005). *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur : Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, KUIM.
- Azila Alias. (2008). *Perbandingan Tiga Kaedah Awal Membaca Kanak-kanak Tabika* : Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ibrahim Hashim, Isahak Haron et. al. (2012). *Fahami Bacaan Dalam Solatmu*. Selangor : PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.
- Imam Nawawi terjemahan Tramana Ahmad Qasim. (2001). *Adab Mengajarkan Al-Quran*. Darul Hikmah.
- Isahak Haron dan Hassan Basri. (1994). *Laporan Penguasaan Jawi Pelajar Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Isahak Haron, Nordin Mamat, Abdul Rahim Razalli, Samri Sainuddin, Zainiah Isa. (2004). *Keberkesanan Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Isahak Haron. (2005). *Kaedah Mengajar Literasi (Awal Membaca dan Menulis) Bahasa Melayu dengan tumpuan kepada Kaedah Gabungan Bunyi-Kata KGBK*. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Isahak Haron. (2011). *Pedagogi For Literacy Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Isahak Haron. (2012). *Kelemahan 2M Jawi dan Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahun 5 Sekolah Rendah dan Tingkatan 2 Sekolah Menengah dan Cara Mengatasinya*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- KH. As'ad Humam. (2005). *Buku Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran Resam Usmani (Edisi Revisi)*. Selangor : Darul Kitab Sdn Bhd.
- Misnan Jemali. (2008). *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah AlQuran Sekolah-Sekolah Menengah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misnan Jemali. (2006). *Metodologi Pengajaran AlQuran Sekolah Menengah* : Universiti Pendidikan Sultan Idris.